

Teruja dapat lihat aset JBPM

SUBANG - Keterujaan seorang remaja kurang upaya jelas terpancar apabila hasratnya untuk melawat Unit Pengkalan Udara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Subang menjadi kenyataan.

Zulhazrie Abdul Khair, 21, yang mengalami masalah pembelajaran mendapat peluang itu selepas Unit Pengkalan Udara JBPM dan JBPM Selangor mengambil inisiatif bagi menunaikan hasrat remaja terbabit.

Zulhazrie berkata, dia sememangnya amat teruja apabila diberikan peluang tersebut bagi melihat dengan lebih dekat aset-aset milik JBPM yang digunakan selama ini oleh jabatan itu.

“Saya meminati tugas sebagai anggota bomba sejak kecil lagi dan peluang yang diberikan ini membuatkan saya lebih teruja.

“Jika diberi peluang, saya teringin sangat untuk berkhidmat sebagai anggota bomba,” katanya.

Dalam sesi lawatan itu, Zulhazrie yang ditemani ibu, Halina Bibi Din Mohamed, 60, berkesempatan melihat dan merasai pengalaman untuk duduk di dalam helikopter JBPM jenis AW139, MI-17 serta Augusta A109E.

Menurut Halina, anak tunggalnya itu sememangnya amat meminati profesion sebagai anggota JBPM sejak kecil sehinggakan dia



Zulhazrie (tengah) bersama Halina (kiri) kelihatan teruja mendengar penerangan daripada pegawai JBPM.

turut mempunyai koleksi tersendiri.

“Dia memang begitu meminati bidang ini walaupun allahyarham ayahnya dahulu merupakan seorang anggota tentera.

“Zulhazrie juga gemar mengumpul koleksi barangan-barangan bomba seperti baju, kasut, topi dan lain-lain lagi,” katanya.

Halina berkata, dia turut membelanjakan kira-kira RM2,000 sebulan bagi membeli kelengkapan bomba dan replika berkaitan yang diminati oleh anaknya itu.

Dalam pada itu, Penolong Penguasa JBPM Pengkalan Udara

Subang, Sarifudin Ladulu berkata, inisiatif tersebut diambil selepas pihaknya mendapat maklumat mengenai Zulhazrie yang dikatakan begitu berminat dengan bidang tugas anggota bomba.

Berikutan itu, Sarifudin berkata, pihaknya dengan kerjasama JBPM Selangor mengambil inisiatif itu bagi membolehkan Zulhazrie merasai sendiri pengalaman berada di sana.

“Selain dapat duduk di dalam helikopter, Zulhazrie juga turut dibawa melawat jentera kami yang digunakan untuk memadam kebakaran,” katanya.